

BH  
11/11/2015  
MIS 24

# 260 OKU diberi latihan kemahiran

» Program bermula tahun depan bantu dapat kerja

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin  
bhkb@bh.com.my

Kota Bharu

**K**ementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan menyediakan latihan kepada 260 orang kurang upaya (OKU) mulai tahun depan, bagi membantu mereka mendapatkan kemahiran sebagai penjawat awam.

Ketua Setiausaha, Datuk Sabariah Hassan, berkata usaha yang dilakukan itu bagi membolehkan OKU terbabit mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan kemampuan mereka.

"Sebagai permulaan, kita akan melatih seramai 260 OKU pada tahun depan dengan kemahiran teknologi maklumat dan pengendalian alatan atau mesin.

"Kita mempunyai seramai 150,000 OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan kerajaan menyediakan satu peratus peluang pekerjaan kepada mereka sebagai penjawat awam, tidak termasuk



Sabariah (tengah) bergambar bersama peserta **Projek Komunikasi USM-YOKUK** di Padang Tembak, Kota Bharu, semalam.  
[FOTO SYAMSI SUHAIMI/BH]

sektor swasta.

## Ada kelulusan cemerlang

"Ramai di antara mereka yang mengalami kecacatan fizikal sama ada ketika lahir mahupun akibat kemalangan, sudah berjaya hingga lulus dengan kelulusan sarjana muda di universiti awam.

"Kita mahu memberi peluang

kepada mereka dan tidak mahu kumpulan sasar ini menia-siakan peluang yang ada selepas memperoleh keputusan cemerlang dalam pelajaran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Projek Komunikasi Universiti Sains Malaysia (USM)-Yayasan Orang Kurang Upaya Kelantan (YOKUK) di Pusat YOKUK, di sini.

Yang turut hadir, Pengerusi YOKUK, Datin Suliana Shamsuddin dan Pengarah Kampus Kesihatan USM Kubang Kerian, Prof Datuk Dr Mafauzy Mohamed.

Sementara itu, Sabariah berkata, jalinan kerjasama antara YOKUK dan USM adalah usaha yang cukup baik dalam membantu pembangunan OKU di negeri ini.

"Kami mahu memberi peluang kepada mereka dan tidak mahu kumpulan sasar ini menia-siakan peluang yang ada selepas memperoleh keputusan cemerlang dalam pelajaran"

**Sabariah Hassan,**  
Ketua Setiausaha  
KPWKM

"Kerjasama USM membantu YOKUK sama ada dari segi penyediaan kepakaran dan sokongan menerusi pelbagai program adalah pencapaian yang membanggakan serta perlu dicontohi pihak lain," katanya.

Sabariah turut berharap semua pihak memainkan peranan dalam memberi perhatian kepada golongan OKU.